



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**17 NOVEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 599 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 226,946 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Penampang, Kota Kinabalu dan Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 400 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 216,055 orang. Manakala 1,688 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 671 orang di hospital, 1,000 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 17 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 69 orang di ICU/repurposed kritikal care 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 62 (31.16%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Semporna berubah dari zon jingga ke zon kuning manakala Tongod berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tiga (3) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 22 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Selepas susut beberapa hari, kes-kes baharu kembali meningkat secara mendadak hari ini. Jumlah kes baharu bertambah +112 kes berbanding semalam, menjadikan kes hari ini berjumlah 599 kes.
- b. Sebanyak 16 daerah mencatatkan peningkatan dengan enam (6) daripadanya mencatatkan pertambahan dua (2) angka. Hanya sembilan (9) daerah mencatatkan penurunan kes.
- c. Daerah Kota Kinabalu kembali menjadi penyumbang terbesar kes di negeri Sabah dengan 101 kes, 45 kes lebih tinggi daripada semalam. Daerah Tuaran juga mencatatkan kes yang tinggi iaitu 95 kes, menambah 36 kes berbanding jumlah sebelumnya.
- d. Adalah diperhatikan bahawa beberapa daerah mencatatkan jumlah kes daftar-lewat yang agak tinggi. Di Kota Kinabalu, 89 kes daripada 101 kes hari ini adalah kes-kes yang didaftar 2 hari atau lebih lama setelah keputusan saringan diketahui; di Kota Belud, 28 kes daripada 53 kes dan di Penampang, 27 kes daripada 35 kes.
- e. Sebanyak 372 kes atau 62% daripada kes yang direkodkan pada hari ini adalah kes-kes yang berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu. Selebihnya adalah kes-kes yang didaftar lewat dua hari atau lebih lama selepas keputusan ujian diketahui.
- f. Hampir 98% daripada kes-kes hari ini adalah kes-kes yang dianggap ringan, iaitu dalam kategori 1 dan kategori 2. Pesakit dalam kategori 3 cuma tiga (3) orang, empat (4) orang dalam kategori 4 dan satu (1) orang pesakit dalam kategori 5. Lima (5) kes lagi masih dalam siasatan lanjut JKNS.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (344) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	221	36.89%
3	Kontak	344	57.43%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	34	5.67%
<b>JUMLAH</b>		<b>599</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (16 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 16/11/2021</b>	<b>Catatan Kes 17/11/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kota Kinabalu	56	101	+45
2	Tuaran	59	95	+36
3	Ranau	25	40	+15
4	Kota Belud	39	53	+14
5	Sandakan	8	21	+13
6	Penampang	23	35	+12
7	Beluran	13	19	+6
8	Kudat	12	17	+5
9	Kuala Penyu	2	6	+4
10	Kunak	0	3	+3
11	Keningau	23	25	+2
12	Lahad Datu	8	10	+2
13	Telupid	2	4	+2
14	Papar	28	29	+1
15	Putatan	16	17	+1
16	Kalabakan	1	2	+1
17	Tambunan	15	15	Mendatar
18	Sipitang	12	12	Mendatar
19	Tenom	22	12	-10
20	Kota Marudu	37	28	-9
21	Tongod	9	0	-9
22	Tawau	10	2	-8
23	Beaufort	37	31	-6
24	Pitas	12	7	-5
25	Nabawan	3	2	-1
26	Semporna	1	0	-1
27	Kinabatangan	14	13	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>487</b>	<b>599</b>	<b>+112</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (03 November – 16 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	50	44	0	7	101	944
Tuaran	0	82	12	0	1	95	735
Kota Belud	0	25	26	0	2	53	623
Ranau	0	21	16	0	3	40	600
Penampang	0	23	12	0	0	35	406
Beaufort	0	11	19	0	1	31	489
Papar	0	17	11	0	1	29	316
Kota Marudu	0	16	12	0	0	28	470
Keningau	0	13	8	0	4	25	270
Sandakan	0	13	4	0	4	21	168
Beluran	0	11	6	0	2	19	128
Putatan	0	2	15	0	0	17	215
Kudat	0	9	6	0	2	17	228
Tambunan	0	5	10	0	0	15	270
Kinabatangan	0	9	1	0	3	13	153
Tenom	0	7	5	0	0	12	316
Sipitang	0	10	2	0	0	12	137
Lahad Datu	0	3	5	0	2	10	154
Pitas	0	4	2	0	1	7	167
Kuala Penyu	0	4	2	0	0	6	93
Telupid	0	4	0	0	0	4	92
Kunak	0	1	2	0	0	3	18
Tawau	0	0	1	0	1	2	189
Nabawan	0	2	0	0	0	2	26
Kalabakan	0	2	0	0	0	2	9
Tongod	0	0	0	0	0	0	38
Semporna	0	0	0	0	0	0	17
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>344</b>	<b>221</b>	<b>0</b>	<b>34</b>	<b>599</b>	<b>7,271</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 5,700 unit

- Hospital 1,656 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,554 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 462 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.61%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 17 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	589
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	9
<b>Jumlah</b>	<b>599</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Perak	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	582
Bukan Malaysia	17
<b>Jumlah</b>	<b>599</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	94
Belum Menerima Vaksin	72
Menerima 1 Dos	4
Lengkap 2 Dos	429
<b>Jumlah</b>	<b>599</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	5
1 to 5	36
6 to 11	53
12 to 17	30
18 to 25	109
26 to 59	301
>60	65
<b>Jumlah</b>	<b>599</b>

**C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 16 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,044 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,270 orang adalah penduduk dewasa dan 774 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 16 November 2021 adalah seramai 2,435,466 orang. Ini meliputi 2,103,082 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.24% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,378,891 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,076,675 orang atau 75.29% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,384 orang atau 76.59% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 302,216 atau 69.64% orang setakat ini.

**D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **676,688** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,359 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 45 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 11 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Dua (2) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
  - Sembilan (9) Orang : Premis Beroperasi Lebih Masa Tanpa Kebenaran
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 142 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,063 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di Lahad Datu. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 563 premis perniagaan dan 770 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 350 Premis Perniagaan melibatkan 227 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 144 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 94 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 100 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.6 %** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Beaufort	98.8%
2	Kudat	98.7%
3	Papar	98.7%
4	Beluran	98.7%
5	Sipitang	98.6%
6	Keningau	98.6%
7	Penampang	98.6%
8	Ranau	98.6%
9	Kota Marudu	98.6%
10	Tenom	98.6%
11	Tuaran	98.5%
12	Kinabatangan	98.5%
13	Kunak	98.5%
14	Tawau	98.5%
15	Semporna	98.5%
16	Sandakan	98.4%
17	Lahad Datu	98.4%
18	Kota Belud	98.4%
19	Kota Kinabalu	98.3%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**